BIL 1/2026 (SEPTEMBER)

PERCUMA | PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

Siapa Kita dalam Setiap Ringgit yang Kita Belanjakan?

Pelan Perlindungan Perubatan Asas yang Lebih Mampu Milik dan Telus untuk Rakyat Malaysia

Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (LINDUNG 24 JAM)

Melindungi Hak Anda Sebelum, Semasa dan Selepas Projek Pembinaan

DILEMA KREDIT MUDAH GENERASI MUDA

ISSN 2180-3684

9 772180 368003

IMBAS KOD QR UNTUK MUAT TURUN MAJALAH RINGGIT

AKPK

FOMCA

FEN FINANCIAL EDUCATION NETWORK

Isi Kandungan

04. Dilema Kredit Mudah Generasi Muda

08. Siapa Kita dalam Setiap Ringgit yang Kita Belanjakan?

16. Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (LINDUNG 24 JAM)

20. Melindungi Hak Anda Sebelum, Semasa dan Selepas Projek Pembinaan

13. Pelan Perlindungan Perubatan Asas yang Lebih Mampu Milik dan Telus untuk Rakyat Malaysia

Sidang Redaksi

PENASIHAT
Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Encik Azman Hasim
Ketua Pegawai Eksekutif AKPK

Ketua Sidang Pengarang
Puan Nur Asyikin Aminuddin

Sidang Pengarang
Dr. Saravanan Thambirajah
Prof. Dr. Ramalinggam Rajamanickam
Cik Nuraiesya Khanoon binti Thariq Khan
Encik Irwan Iskandar Azharuddin (AKPK)

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dengan FOMCA.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7876 4648
Faks: +603 7877 1076
E-mel: fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Tingkat 5 & 6, Menara Aras Raya
Jalan Raja Laut, City Centre
50350 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tel: +603 2616 7766
Sesawang: www.akpk.org.my

***Financial Education Network* (FEN)**
Sesawang: www.fenetwork.my

Diurus Terbit Oleh
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7875 2392
E-mel: info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Rakan Kongsi Penerbitan Digital
Wordlabs Global Sdn Bhd
No. 617, Block D, Kelana Square
17, Jalan SS7/26, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7886 4933
Fax: +603 7803 0500
E-mel: info@wordlabs.com.my
Sesawang: www.wordlabs.com.my

Dilema Kredit Mudah Generasi Muda

Pengenalan: Jerat manis di hujung jari
Landskap kewangan digital di Malaysia telah berubah secara drastik dengan kehadiran pelbagai teknologi kewangan *(fintech)*. Antara inovasi yang paling pantas berkembang dan menjadi kegilaan ramai ialah kaedah *"Buy Now, Pay Later"* (BNPL) atau Beli Sekarang, Bayar Kemudian. BNPL kini menjadi pilihan popular yang diintegrasikan secara meluas dalam aplikasi e-dagang dan dompet digital.

Bagi Generasi Z (mereka yang lahir antara akhir tahun 1990-an hingga tahun 2012), tarikan pelan ansuran jangka masa pendek yang dipasarkan sebagai "bebas faedah" ini kelihatan seperti alternatif yang bijak berbanding kad kredit tradisional. Namun, di sebalik kemudahan yang ditawarkan, timbul satu persoalan kritikal: Adakah keseronokan menangguhkan bayaran ini sebenarnya sedang membuka pintu kepada perangkap kewangan yang parah atau *Pain Later* (Sakit Kemudian)? Satu kajian kualitatif dalam *International Journal of Social Policy and Society* (IJSPS) mengupas cara trend ini memberikan kesan yang mendalam terhadap pengurusan risiko kewangan anak muda di kawasan Lembah Klang.

Tarikan psikologi: Jerat mahu untung cepat
Kajian mendedahkan bahawa keputusan anak muda untuk menggunakan BNPL didorong secara kuat oleh faktor psikologi tingkah laku yang dipanggil kecenderungan masa kini.

- ***Hyperbolic discounting* (Diskaun hiperbolik):** Secara psikologi, manusia cenderung melebihkan nilai kepuasan yang diperoleh sekarang berbanding dengan beban kewangan yang akan ditanggung pada masa hadapan. Syarikat penyedia BNPL memanfaatkan kelemahan ini dengan memisahkan saat psikologi membeli daripada saat membayar. Akibatnya, "rasa sakit" ketika mengeluarkan wang dapat dikurangkan, manakala kepuasan memiliki barang tersebut dapat dinikmati dengan serta-merta.

- **Sindrom FOMO *(Fear of Missing Out)*:** Bagi komuniti Gen Z, media sosial memainkan peranan besar dalam menetapkan piawaian gaya hidup. Keinginan yang tinggi untuk mengikut trend terkini, sama ada pakaian, gajet, mahupun aktiviti sosial mewujudkan tekanan kelompok yang kuat. BNPL hadir sebagai penyelesaian segera untuk merapatkan jurang antara keinginan gaya hidup mewah dengan baki akaun bank mereka yang sebenar.

Ilusi mampu milik dan manipulasi perakaunan mental *(Mental accounting)*
Teori ekonomi tingkah laku menerangkan konsep perakaunan mental, iaitu cara individu membahagikan dan menilai wang secara subjektif. BNPL mengeksploitasi taktik ini dengan bijak.

Apabila sepasang kasut berharga RM300 dipaparkan sebagai "3 kali ansuran mudah sebanyak RM100 sebulan", otak pengguna secara automatik mengkategorikan pembelian tersebut sebagai murah dan mampu milik. Walhal, hakikat ekonominya tidak berubah kerana jumlah komitmen yang wajib dibayar tetap RM300. Ilusi optik kewangan ini mengaburkan realiti bajet bulanan pengguna. Tanpa sedar, banyak anak muda mengaktifkan pelbagai pelan ansuran BNPL secara bertindih di beberapa aplikasi berbeza. Akibatnya, mereka gagal untuk menjejak jumlah keseluruhan hutang terkumpul sehingga mengakibatkan masalah perbelanjaan berlebihan *(overspending)*.

Pengaruh media sosial: Apabila trend menjadi penentu perbelanjaan
Faktor persekitaran sosial di Lembah Klang bertindak sebagai pemacu utama kepada keterhutangan digital. Paparan gaya hidup idealistik melalui pempengaruh di platform media sosial, seperti TikTok dan Instagram, menormalkan budaya kepenggunaan yang tinggi. Oleh sebab ekosistem BNPL diletakkan terus pada paparan pembayaran digital, peralihan daripada melihat hantaran menarik di media sosial kepada membuat transaksi hutang mengambil masa kurang daripada seminit. Proses pembelian yang terlalu lancar ini menghapuskan tempoh bertenang *(cooling-off period)* yang sepatutnya ada untuk pengguna membuat keputusan secara rasional.

Realiti "sakit kemudian": Risiko kewangan yang menanti

Walaupun pemasaran BNPL kelihatan bersih dan tidak berbahaya, kajian kualitatif IJSPS mendapati bahawa impak negatifnya amat nyata bagi pengguna muda:

1. Penyesalan pascapembelian:

Akibat pembelian impulsif yang tidak dirancang, pengguna kerap mengalami penyesalan sebaik sahaja kepuasan jangka masa pendek mula pudar. Barang yang dibeli adakalanya terbiar tanpa digunakan, namun komitmen ansuran bulanan tetap wajib dilunaskan.

2. Skor kredit terjejas & pembiayaan bertindih:

Pendapatan Gen Z rata-ratanya masih pada peringkat permulaan atau tidak menentu. Apabila pelbagai ansuran kecil matang serentak, mereka mula gagal untuk membayar tepat pada masanya. Hal ini boleh menjejaskan rekod kredit mereka (seperti CCRIS) dan mengganggu kelayakan pinjaman penting pada masa hadapan, terutamanya dengan pengenalan garis panduan baharu dalam industri kredit.

3. Kekurangan literasi struktur kredit:

Banyak pengguna muda tidak membaca atau memahami terma tersirat dalam kontrak digital mereka. Mereka tidak sedar akan caj lewat bayar *(late payment fees)* yang boleh meningkat tinggi, serta faedah kompaun tersembunyi sekiranya mereka mengabaikan tuntutan bayaran.



Langkah bijak:

Bagaimanakah cara melindungi diri?

Bagi mengelakkan kemudahan teknologi daripada bertukar menjadi krisis hutang generasi muda, beberapa pendekatan ringkas dan berkesan perlu diamalkan:

01 Amalkan formula 24 jam

Jangan terus tekan butang *"Check Out"*. Tinggalkan barangan dalam troli digital selama 24 jam untuk menilai semula sama ada pembelian tersebut merupakan satu keperluan asas atau sekadar keinginan emosi semata-mata.

02 Kawal komitmen ansuran bulanan

Pastikan jumlah keseluruhan potongan ansuran bulanan (termasuk BNPL, telefon pintar, dan komitmen lain) tidak melebihi 10% hingga 15% daripada pendapatan bersih bulanan anda.

03 Sokongan RUUKP 2025

Pengguna harus peka dengan Rang Undang-Undang Kredit Pengguna (RUUKP 2025) yang kini mengawal selia penyedia perkhidmatan BNPL secara ketat bagi memastikan hak pengguna, ketelusan kadar caj, dan amalan kutipan hutang yang beretika sentiasa dipelihara.

Kesimpulan: Bijak memilih, bijak mengawal

Teknologi kewangan seperti BNPL bukanlah musuh utama; ia ialah alat kemudahan moden yang memerlukan pengguna yang bijak. Bagi generasi muda di Lembah Klang dan seluruh Malaysia, kunci utama agar tidak kecundang dalam pengurusan wang adalah dengan meningkatkan tahap disiplin diri dan kesedaran kewangan. Pastikan setiap klik di skrin telefon pintar dibuat berdasarkan kemampuan dompet yang nyata, bukan sekadar mengikut emosi jangka masa pendek. Ingat, bijak kewangan ialah kebijaksanaan yang sebenar!

Sumber: Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)

Siapa Kita dalam Setiap Ringgit yang Kita Belanjakan?

SETIAP ringgit yang kita belanjakan ialah satu keputusan.
Setiap keputusan yang kita lakukan akan menentukan kesejahteraan masa depan.

Kita membeli kerana perlu.

Adakala kita membeli kerana mahu.
Mahu dilihat berjaya.

Dalam kehidupan seharian, kita membuat pelbagai keputusan dengan wang — apa yang hendak dibeli, apa yang hendak dimiliki dan apa yang sanggup kita tangguhkan.

Namun, di sebalik setiap keputusan itu, ada satu soalan yang jarang kita tanyakan:

“Adakah saya benar-benar memerlukan ini, atau saya cuma mahu semata-mata memilikinya?”

Dalam dunia yang sentiasa memperlihatkan siapa yang lebih berjaya, lebih bergaya dan lebih “berada”, mudah untuk kita membandingkan kehidupan sendiri dengan orang lain.

Telefon yang lebih baharu.
Kereta yang lebih mahal.
Rumah yang lebih besar.
Gaya hidup yang kelihatan lebih sempurna.



Tanpa disedari, kita mungkin bukan sekadar membeli sesuatu yang kita mahukan.

Kita sedang membeli gambaran tentang siapa yang kita mahu jadi — atau bagaimana kita mahu dilihat oleh orang lain.

Di sinilah keputusan kewangan menjadi lebih daripada soal angka.

Apabila keinginan untuk kelihatan berjaya mula mempengaruhi cara kita berbelanja, kita mungkin membuat komitmen yang tidak lagi selari dengan kemampuan, keutamaan atau kehidupan yang sebenarnya kita mahu bina.

Jadi, dalam membuat keputusan kewangan, kita sering bertanya:

“Mampukah saya?”

Soalan itu penting.
Tetapi mungkin ada satu lagi soalan yang lebih penting:

“Perlukah saya?”

Kerana sesuatu yang mampu kita beli, belum tentu sesuatu yang perlu kita miliki.

Dan sesuatu yang kelihatan mampu hari ini, belum tentu selesa untuk kita tanggung pada hari esok.

Kesejahteraan kewangan bukan tentang memiliki lebih banyak. Ia tentang mempunyai kebebasan untuk membuat pilihan yang benar-benar bermakna kepada kehidupan kita.

Sebuah telefon baharu mungkin lebih canggih, tetapi telefon yang kita gunakan masih berfungsi dengan baik.

Sebuah kereta yang lebih mahal mungkin memberikan lebih keselesaan, tetapi adakah komitmennya selari dengan pendapatan dan keutamaan kita?

Percutian pula mungkin memberikan pengalaman yang bermakna. Tetapi jika kita terpaksa menanggung hutang atau mengorbankan keperluan yang lebih penting untuk membiayainya, adakah ia benar-benar membawa kita lebih dekat kepada kehidupan yang kita inginkan?

Tidak salah untuk menikmati hasil usaha sendiri.

Yang penting ialah kita berbelanja dengan sedar, bukan kerana terikut-ikut.

Apabila wang mula menentukan nilai diri

Wang sepatutnya menjadi alat untuk membantu kita mencapai kehidupan yang kita inginkan.

Namun, apabila kita terlalu kerap membandingkan diri dengan orang lain, wang mudah berubah menjadi ukuran kejayaan.

Kita mungkin mula merasakan kita perlu memiliki sesuatu supaya kelihatan berjaya. Kita mungkin menaik taraf telefon walaupun yang lama masih elok.

Kita mungkin mengambil komitmen yang lebih tinggi kerana mahu memiliki kereta tertentu.

Kita mungkin berbelanja lebih daripada kemampuan kerana tidak mahu ketinggalan dengan gaya hidup orang di sekeliling.

Dalam keadaan ini, keputusan kewangan bukan lagi semata-mata tentang apa yang kita perlukan.



Ia mula dipengaruhi oleh bagaimana kita melihat diri sendiri — dan bagaimana kita mahu dilihat oleh orang lain.

Sebab itu, kesejahteraan kewangan bukan hanya apabila tahu mengurus wang.

Ia juga apabila kita tahu mengapa kita berbelanja.

Dan kesannya bukan terhenti pada dompet kita.

Kajian AKPK Financial Education and Well-Being Research Centre (FEWRC), *"Dari Sembilan hingga Lima: Melayari Kesejahteraan Kewangan Pekerja di Tempat Kerja"*, menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kesejahteraan kewangan dengan produktiviti pekerja.

Malah, **70 peratus pekerja yang menunjukkan prestasi kerja pada tahap rendah atau minimum mempunyai tahap kesejahteraan kewangan yang paling rendah.**

Ini menunjukkan bahawa cara kita mengurus wang bukan sekadar memberi kesan kepada kehidupan selepas waktu kerja. **Tekanan kewangan juga boleh mempengaruhi bagaimana kita hadir, fokus dan berfungsi di tempat kerja.**
Sebab itu, membuat keputusan kewangan secara lebih sedar bukan sekadar soal berjimat atau mengelakkan hutang.

Ia ialah sebahagian daripada usaha menjaga kesejahteraan hidup secara menyeluruh.

Nilai kita menentukan arah wang kita

Literasi kewangan penting.

Kita perlu tahu cara membuat bajet, membina simpanan, mengurus hutang, mendapatkan perlindungan dan merancang masa depan.

Tetapi pengetahuan kewangan perlu diterjemahkan kepada tindakan.

Dan tindakan kita banyak dipengaruhi oleh nilai serta keutamaan hidup.

Jika keluarga menjadi keutamaan, kita mungkin memilih kestabilan kewangan berbanding simbol status.

Jika ketenangan fikiran penting bagi kita, kita mungkin memilih untuk hidup dalam lingkungan kemampuan walaupun kita mampu mengambil komitmen yang lebih besar.

Jika masa bersama orang tersayang menjadi keutamaan, kita mungkin lebih berhati-hati mengambil komitmen kewangan yang memerlukan kita bekerja tanpa henti.

Jika kesederhanaan ialah pegangan kita, kita mungkin lebih mudah membezakan antara **apa yang perlu, apa yang mahu dan apa yang boleh ditangguhkan.**

Tiada satu ukuran kehidupan yang sesuai untuk semua orang.

Yang penting, wang kita bergerak ke arah kehidupan yang benar-benar mahu kita bina.

Kemajuan mengikut acuan kita

Kemajuan tidak semestinya bermaksud memiliki lebih banyak daripada orang lain. Ia juga bukan tentang mengejar setiap trend, gaya hidup atau ukuran kejayaan yang kita lihat di sekeliling.

Kemajuan yang bermakna ialah kemajuan yang meningkatkan kesejahteraan — untuk diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

Nilai seperti kekeluargaan, kejiranan, gotong-royong, saling membantu, kesederhanaan dan hormat-menghormati telah lama menjadi sebahagian daripada kehidupan kita.

Nilai-nilai ini mungkin tidak mempunyai tanda harga.

Tidak semuanya boleh dipamerkan di media sosial.

Namun, ia mempunyai nilai yang jauh lebih besar apabila kita berdepan dengan cabaran, ketidakpastian dan perubahan.

Belajar mengenal "cukup"

Dalam dunia yang sentiasa memberitahu kita bahawa kita memerlukan lebih — lebih banyak pendapatan, lebih banyak harta, lebih baharu, lebih besar dan lebih mewah — mengenal pasti apa yang **"cukup"** merupakan satu bentuk kebijaksanaan kewangan.

"Cukup" bukan bermaksud kita berhenti bercita-cita.

Bukan juga bermaksud kita tidak boleh menikmati hasil usaha sendiri.

Sebaliknya, **"cukup" bermaksud kita tahu apa yang penting, tahu had kemampuan dan tahu bila perlu berhenti mengejar sesuatu yang tidak lagi menambah nilai kepada kehidupan.**

Kita masih boleh mempunyai impian untuk memiliki rumah sendiri.

Kita masih boleh menikmati kereta yang selesa.

Kita masih boleh melancong, menikmati kehidupan dan memberikan yang terbaik kepada keluarga.

Tetapi sebelum membuat keputusan, tanya diri sendiri:

"Adakah pilihan ini membawa saya lebih dekat kepada kehidupan yang saya inginkan — atau sekadar lebih dekat kepada kehidupan yang orang lain anggap berjaya?"

Apabila kita tahu apa yang "cukup", kita tidak mudah terperangkap dalam perlumbaan untuk sentiasa memiliki lebih.

Kita boleh terus berkembang tanpa mengorbankan ketenangan.

Kita boleh mencapai lebih banyak tanpa membebankan diri dengan komitmen yang tidak perlu.

Dan kita boleh menikmati kehidupan hari ini sambil terus membina masa depan.

Wang ialah alat. Kita tentukan arahnya.

Akhirnya, kesejahteraan kewangan bukan sekadar tentang **berapa banyak wang yang kita ada.**

Ia juga tentang **bagaimana kita menggunakan wang yang kita ada.**

Apabila kita memahami nilai, keutamaan dan kemampuan diri, kita lebih bersedia untuk membuat keputusan kewangan secara sedar, seimbang dan bertanggungjawab.

Kita tidak perlu hidup mengikut ukuran orang lain.

Kita tidak perlu memiliki segala-galanya untuk berasa cukup.

Dan kita tidak perlu mengorbankan ketenangan hari ini demi memenuhi gambaran kejayaan yang bukan milik kita.

Jadi, sebelum membuat keputusan kewangan seterusnya, jangan hanya bertanya:

“Mampukah saya?”

Tanyakan juga:

“Adakah ini benar-benar penting bagi saya?”

Ini adalah kerana kesejahteraan kewangan bukan tentang memiliki segala-galanya.

Ia tentang membuat pilihan yang selari dengan kemampuan, keutamaan dan kehidupan yang ingin kita bina.

Dan apabila wang digunakan dengan lebih sedar, kita bukan sahaja membina kewangan yang lebih sihat.

Kita sedang membina kehidupan yang lebih tenang, yakin dan berdaya tahan.



Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Pelan Perlindungan Perubatan Asas yang Lebih Mampu Milik dan Telus untuk Rakyat Malaysia

KEBELAKANGAN ini, banyak pengguna menghadapi kenaikan premium insurans/takaful perubatan yang ketara.

Ada yang terpaksa membatalkan polisi kerana tidak lagi mampu membayarnya, manakala sebahagian yang lain tidak pernah memiliki perlindungan kesihatan kerana kos yang tinggi.

Bagi menangani isu ini, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Kewangan (MOF) dan Bank Negara Malaysia (BNM) memperkenalkan pelan Insurans/Takaful Perubatan dan Kesihatan (*Medical and Health Insurance*/Takaful, MHIT) asas sebagai sebahagian daripada strategi RESET untuk menangani inflasi perubatan dan memperkukuh sistem kesihatan negara.

Artikel ini menerangkan manfaat pelan MHIT asas kepada pengguna secara ringkas.

Mengapakah pelan MHIT asas diperkenalkan?

Perbelanjaan kesihatan swasta di Malaysia masih banyak ditanggung secara bayaran tunai sendiri *(out-of-pocket)*. Insurans swasta hanya menyumbang sebahagian kecil daripada pembiayaan kesihatan, menyebabkan banyak rakyat terdedah kepada risiko kewangan sekiranya menghidapi penyakit serius.

Tambahan pula:

- Premium meningkat sehingga 40% bagi sebahagian polisi dalam tempoh kebelakangan ini;
- Banyak pemegang polisi melepaskan polisi mereka kerana tidak mampu untuk membayar premium; dan
- Reka bentuk pelan sedia ada kurang mengawal kos rawatan.

Pelan MHIT asas diperkenalkan untuk:

- Memberikan perlindungan asas yang bermakna;
- Mengawal kenaikan kos;
- Menjadikan premium lebih stabil dan mampu milik; dan
- Meningkatkan ketelusan dalam sistem rawatan dan tuntutan.

Siapakah sasaran pelan ini?

Pelan MHIT asas menyasarkan dua kumpulan utama, iaitu:

- Individu yang belum mempunyai perlindungan insurans/takaful perubatan, tetapi mampu untuk membayar pelan asas.
- Individu yang ingin beralih kepada pelan lebih mampu milik kerana premium pelan lama terlalu tinggi.

Pelan ini boleh:

- Memberi perlindungan sehingga umur 85 tahun; dan
- Menerima penyertaan sehingga had umur 70 tahun.

Apakah manfaat perlindungan yang ditawarkan?

Pelan MHIT asas menawarkan manfaat standard yang jelas dan seragam, terutamanya untuk rawatan di hospital swasta.

Antara perlindungan utama ialah:

- Bilik dan penginapan hospital
- Bekalan dan perkhidmatan hospital
- Yuran pembedahan dan bius
- Lawatan doktor dalam hospital
- Ubat-ubatan berkaitan dengan rawatan
- ICU dan bilik pembedahan
- Pembedahan harian
- Perkhidmatan sebelum dan selepas kemasukan hospital
- Ambulans
- Ubat pesakit luar kos tinggi yang tertentu (contohnya, rawatan kanser)

Had tahunan ditetapkan pada:

- RM100,000 setahun bagi individu berumur 60 tahun dan ke bawah
- RM150,000 bagi umur 60 tahun dan ke atas

Had ini ditentukan berdasarkan analisis tuntutan sebenar dan dijangka mencukupi bagi 99% episod rawatan biasa.

Pilihan *Standard-Plus* (Premium lebih rendah)

Terdapat juga pilihan *Standard-Plus*:

- Had tahunan: RM300,000
- Tetapi dengan deduktibel: RM10,000 – RM15,000
- Premium 15% hingga 70% lebih rendah, bergantung pada umur

Pelan ini sesuai untuk mereka yang hanya mahu perlindungan bagi kos besar *(catastrophic coverage)* dan mampu menanggung sendiri bayaran awal.

Struktur *Co-Payment* dua tahap

Untuk mengawal kos rawatan dan menggalakkan kecekapan kos penggunaan hospital, pelan ini memperkenalkan sistem dua tahap.

Hospital rangkaian (Tier 1)

- Deduktibel: RM500 (RM1,000 selepas umur 61)
- Tiada *co-share* tambahan

Hospital bukan rangkaian (Tier 2)

- Deduktibel: RM500 (RM1,000 selepas umur 61)
- *Co-share:* 20% dengan had maksimum RM3,000 bagi setiap episod rawatan

Tahap ini memberikan insentif kepada pengguna untuk memilih hospital yang telus dan cekap dari segi kos.

Premium lebih stabil dan terkawal
Premium akan ditetapkan berdasarkan prinsip aktuari yang kukuh dan dinilai secara berkala oleh pihak berkuasa.

Anggaran julat premium bulanan:

Umur	Standard	Standard-Plus
31–35	RM80 – 120	RM50 – 70
61–65	RM280 – 350	RM220 –280
75 ke atas	RM500 – 780	RM400 – 660

Pelan ini menggunakan:
- *Risk-rating* yang lebih seimbang;
- *Pool* risiko lebih luas; dan
- *Had loading* kesihatan individu.

Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan lonjakan premium mendadak seperti yang berlaku sebelum ini.

Bukan pelan pelaburan, bukan insurans sosial

Pelan MHIT asas:
- ✗ Bukan pelan pelaburan (bukan *investment-linked)*
- ✗ Bukan skim insurans sosial wajib
- ✓ Pelan perlindungan perubatan sukarela
- ✓ Boleh dibayar menggunakan Akaun Sejahtera KWSP (pilihan)

Hal ini memberikan lebih banyak kejelasan dan mengelakkan kekeliruan antara perlindungan dan pelaburan.



Penambahbaikan sistem secara menyeluruh
Pelan ini juga menyokong reformasi sistem kesihatan:
- Peralihan berperingkat kepada sistem pembayaran DRG *(Diagnosis-Related Groups)*
- Rekod Perubatan Elektronik (EMR) bersepadu
- Garis panduan tuntutan lebih telus
- Kemudahan untuk berpindah pelan atau syarikat insurans dengan lebih mudah

Pelan ini bertujuan untuk mengurangkan pembaziran, *over-servicing* dan ketidakjelasan tuntutan.

Bilakah pelan ini akan bermula?
- Projek rintis: Separuh kedua 2026
- Pelancaran penuh: Awal 2027

Kesimpulan: Apakah maknanya untuk pengguna?
Pelan MHIT asas merupakan satu langkah penting dalam usaha untuk memperkukuh perlindungan kesihatan rakyat. Pelan ini bertujuan untuk memberikan perlindungan asas yang bermakna kepada lebih ramai rakyat Malaysia, khususnya mereka yang belum mempunyai insurans atau yang terkesan oleh kenaikan premium yang tinggi. Pada masa yang sama, ia dirangka untuk membantu pengawalan kenaikan premium agar lebih stabil dan berpatutan dalam jangka panjang.

Selain itu, pelan ini meningkatkan ketelusan kos rawatan dengan memperkenalkan struktur manfaat dan pembayaran bersama yang lebih jelas, sekali gus membantu pengguna membuat pilihan rawatan yang lebih bijak. Secara keseluruhannya, pelan MHIT asas menyokong pembentukan sistem kesihatan swasta yang lebih mampan dan berorientasikan nilai.

Walaupun pelan ini bukanlah penyelesaian menyeluruh kepada semua cabaran dalam sektor kesihatan, ia tetap menyediakan satu pilihan alternatif yang lebih stabil, telus dan mampu milik kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan perlindungan perubatan asas.

Sumber: Kertas Putih Pelan MHIT Asas

SKIM KEMALANGAN BUKAN BENCANA KERJA (LINDUNG 24 JAM)

KEMALANGAN boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Seorang pekerja mungkin mengalami kemalangan bukan sahaja ketika menjalankan tugas di tempat kerja, tetapi juga ketika melakukan aktiviti harian, seperti bersukan, membeli-belah, menjalankan urusan keluarga atau melakukan aktiviti riadah selepas waktu bekerja. Kemalangan seperti ini boleh mengakibatkan kecederaan, kehilangan pendapatan dan beban kewangan kepada pekerja serta keluarga.

Bagi memperluas jaringan perlindungan keselamatan sosial pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memperkenalkan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja atau LINDUNG 24 JAM. Skim ini memberikan perlindungan kepada pekerja yang layak sepanjang tempoh penggajian, termasuk bagi kemalangan yang berlaku di luar waktu kerja dan tidak berkaitan secara langsung dengan pekerjaan.

Apakah LINDUNG 24 JAM?

Secara asasnya, perlindungan PERKESO melalui Skim Bencana Pekerjaan memberikan perlindungan terhadap kemalangan atau bencana yang berkaitan dengan pekerjaan. Namun begitu, kehidupan seorang pekerja tidak terhenti selepas tamat waktu bekerja. LINDUNG 24 JAM diwujudkan bagi meluaskan perlindungan tersebut kepada kemalangan yang tidak berkaitan dengan pekerjaan. Menurut PERKESO, skim ini menyediakan perlindungan sepanjang 24 jam sehari bagi kemalangan bukan pekerjaan sepanjang seseorang itu berada dalam tempoh penggajian.

Sebagai contoh, seseorang pekerja mungkin mengalami kecederaan akibat terjatuh ketika melakukan aktiviti peribadi pada hujung minggu atau terlibat dalam kemalangan ketika menjalankan urusan persendirian selepas waktu bekerja. Situasi seperti ini berbeza daripada kemalangan pekerjaan kerana ia tidak berlaku ketika pekerja sedang menjalankan tugas untuk majikan. Melalui LINDUNG 24 JAM, jurang perlindungan ini cuba ditangani supaya pekerja mempunyai jaringan keselamatan sosial yang lebih menyeluruh.

Mengapakah perlindungan 24 jam penting?
Kemalangan bukan pekerjaan boleh memberikan kesan kewangan yang sama serius dengan kemalangan di tempat kerja. Kecederaan yang serius mungkin menyebabkan seseorang perlu menjalani rawatan, berehat untuk tempoh masa yang panjang atau menghadapi kehilangan keupayaan untuk melakukan aktiviti biasa.

PERKESO menyenaraikan antara manfaat utama LINDUNG 24 JAM ialah perlindungan menyeluruh terhadap kemalangan yang tidak berkaitan dengan pekerjaan, perlindungan selama 24 jam sehari serta pembiayaan kos rawatan perubatan oleh PERKESO, tertakluk pada syarat skim yang berkuat kuasa.

Hal ini menjadikan skim tersebut sebagai satu perkembangan penting dalam sistem keselamatan sosial negara kerana perlindungan pekerja tidak lagi dilihat hanya dalam konteks waktu pejabat atau tempat kerja.

Bagi pengguna dan pekerja, konsep yang perlu difahami adalah mudah: risiko kemalangan tidak mengenal waktu bekerja. Oleh itu, perlindungan keselamatan sosial yang lebih luas dapat mengurangkan kesan kewangan kepada seorang pekerja sekiranya sesuatu yang tidak dijangka berlaku.

Bagaimanakah caruman LINDUNG 24 JAM dilaksanakan?
Caruman LINDUNG 24 JAM ditanggung sepenuhnya oleh pekerja. Menurut PERKESO, kadar caruman dilaksanakan secara berperingkat seperti yang berikut:

- 0.75% untuk dua tahun pertama;
- 1.0% untuk tiga tahun berikutnya; dan
- 1.25% mulai tahun keenam dan seterusnya.

Bagi pekerja tempatan, penyertaan dalam skim ini belum lagi diwajibkan dan dilaksanakan secara sukarela, manakala pelaksanaannya kekal mandatori bagi pekerja asing selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa. Walaupun caruman ditanggung oleh pekerja, majikan bertanggungjawab untuk membayar caruman tersebut bagi pihak pekerja sepanjang tempoh pekerja berkenaan bekerja dengan majikan tersebut.

Oleh itu, pekerja tempatan yang mempertimbangkan penyertaan dalam LINDUNG 24 JAM perlu memahami manfaat perlindungan yang diberikan dan membuat keputusan berdasarkan keperluan perlindungan diri serta keluarga.

Apakah yang dimaksudkan dengan "Bukan Bencana Kerja"?
PERKESO mentakrifkan “bukan bencana kerja” sebagai kecederaan diri yang dialami seseorang pekerja akibat kemalangan yang tidak timbul daripada dan tidak berlaku semasa seseorang itu menjalankan pekerjaannya.

Perbezaan ini penting kerana bukan semua masalah kesihatan atau kecederaan secara automatik dikategorikan sebagai kemalangan yang dilindungi.

Sebagai contoh, skim ini memberikan tumpuan pada kemalangan, bukan penyakit yang berlaku secara semula jadi. PERKESO secara khusus menyatakan bahawa keadaan yang disebabkan oleh penyakit, seperti kencing manis, demam atau darah tinggi, tidak termasuk dalam perlindungan LINDUNG 24 JAM.

Apakah situasi yang tidak dilindungi?

Pekerja juga perlu memahami bahawa LINDUNG 24 JAM mempunyai had tertentu. Berdasarkan maklumat PERKESO, antara keadaan yang tidak dilindungi ialah kemalangan yang berlaku di luar Malaysia, keadaan yang disebabkan oleh penyakit serta beberapa kategori yang telah mendapat perlindungan di bawah skim atau peruntukan keselamatan sosial lain.

Bagi pekerja asing pula, terdapat syarat berkaitan dengan pematuhan pas atau permit imigresen yang sah. Penyalahgunaan pas atau permit atau pelanggaran syarat kemasukan tertentu boleh menjejaskan kelayakan perlindungan.

Oleh sebab itu, pekerja tidak seharusnya sekadar mengetahui bahawa mereka mempunyai perlindungan. Mereka juga perlu memahami skop, syarat dan pengecualian yang ditetapkan.

Tuntutan faedah
PERKESO turut menyediakan kemudahan berkaitan dengan tuntutan faedah melalui Portal LINDUNG Faedah. Maklumat tentang tatacara tuntutan, jadual kadar faedah serta panduan untuk pekerja dan majikan boleh diperoleh melalui saluran rasmi PERKESO.

Sekiranya berlaku kemalangan, pekerja disarankan untuk mendapatkan rawatan segera serta menyimpan dokumen berkaitan, seperti laporan perubatan, bukti rawatan dan dokumen lain yang diperlukan untuk tujuan tuntutan. Maklumat lengkap tentang kelayakan sesuatu tuntutan hendaklah disahkan terus dengan PERKESO.

Perlindungan keselamatan sosial yang lebih menyeluruh

Pengenalan LINDUNG 24 JAM mencerminkan perubahan penting dalam pendekatan perlindungan keselamatan sosial pekerja. Kehidupan pekerja tidak terhad kepada lapan jam di tempat kerja. Mereka bergerak, bersukan, melakukan aktiviti bersama dengan keluarga dan menjalani kehidupan harian yang turut mempunyai risiko kemalangan.

Dalam konteks ini, perlindungan 24 jam boleh menjadi satu lapisan keselamatan tambahan yang membantu untuk mengurangkan kesan kewangan apabila berlaku kemalangan yang tidak dijangka.

Namun begitu, pekerja perlu mengambil tanggungjawab untuk memahami perlindungan yang disertai. Mereka harus mengetahui kadar caruman, jenis kejadian yang dilindungi, pengecualian serta tatacara tuntutan. Jangan hanya mengetahui bahawa caruman dibuat setiap bulan tanpa memahami jenis hak dan manfaat yang tersedia.

Pada masa yang sama, majikan memainkan peranan penting dengan memastikan pekerja diberi maklumat yang jelas tentang skim tersebut, khususnya berkaitan dengan penyertaan, caruman dan saluran untuk mendapatkan bantuan.

LINDUNG 24 JAM akhirnya membawa mesej yang mudah tetapi penting: kemalangan tidak mengenal waktu, maka perlindungan juga perlu melangkaui waktu bekerja.

Untuk maklumat terkini tentang kelayakan, kadar caruman, faedah dan tatacara tuntutan, pekerja disarankan untuk merujuk terus laman rasmi PERKESO atau menghubungi PERKESO melalui saluran rasminya.

Artikel ini disediakan berdasarkan maklumat rasmi PERKESO tentang Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (LINDUNG 24 JAM). Maklumat adalah tertakluk kepada syarat, peraturan dan pindaan semasa oleh PERKESO.

MELINDUNGI HAK ANDA SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS PROJEK PEMBINAAN

MENGUPAH kontraktor untuk kerja pembaikan atau pengubahsuaian rumah merupakan perkara biasa bagi kebanyakan rakyat Malaysia. Pengguna lazimnya mempercayai kontraktor untuk menjalankan kerja dengan baik dan selamat, sama ada dalam hal yang melibatkan pembaikan bumbung yang bocor, pendawaian elektrik, kerja paip atau pengubahsuaian rumah.

Malangnya, bukan semua projek pembinaan atau pembaikan berjalan lancar.

Pada setiap tahun, Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) menerima pelbagai aduan melibatkan kontraktor dan perkhidmatan pembaikan. Banyak pengguna menghadapi masalah seperti mutu kerja yang tidak memuaskan, projek terbengkalai, kos tersembunyi, pembaikan yang rosak, dan kontraktor yang enggan membaiki kesilapan selepas menerima bayaran. Dalam sesetengah keadaan, pengguna membelanjakan ribuan ringgit, tetapi akhirnya menghadapi masalah yang lebih besar.

Walaupun undang-undang pengguna di Malaysia menyediakan perlindungan kepada pengguna, namun banyak pengguna secara tidak sedar melemahkan hak mereka sendiri melalui kesilapan mudah semasa proses pembinaan. Sungguhpun demikian, banyak pertikaian sebenarnya boleh dielakkan melalui perancangan, komunikasi dan kesedaran yang baik.

Artikel ini mengetengahkan beberapa perkara penting yang perlu dilakukan dan dielakkan oleh pengguna sebelum, semasa dan selepas projek pembinaan.

Sebelum mengupah kontraktor

Lakukan penyelidikan dengan betul
Antara kesilapan terbesar pengguna ialah terus mengupah kontraktor pertama yang ditemui tanpa menyemak latar belakang mereka dengan teliti. Pengguna perlu memastikan sama ada kontraktor tersebut berpengalaman dan berdaftar secara sah kerana bidang tertentu di Malaysia seperti kontraktor, juruelektrik, tukang paip dan juruteknik dikawal selia oleh badan tertentu, seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Pengguna juga digalakkan untuk mendapatkan cadangan daripada ahli keluarga, rakan atau pelanggan terdahulu kerana kontraktor yang boleh dipercayai biasanya mempunyai reputasi yang baik dan sanggup berkongsi rujukan atau contoh kerja terdahulu.

Pengguna tidak seharusnya memilih kontraktor semata-mata berdasarkan harga yang murah atau iklan yang menarik kerana perkhidmatan yang murah boleh menyebabkan mutu kerja yang rendah dan kos pembaikan yang lebih tinggi pada masa hadapan.

Dapatkan lebih daripada satu sebut harga
Pengguna tidak seharusnya terus menerima sebut harga pertama, terutamanya bagi kerja pembaikan atau pengubahsuaian yang mahal. Kontraktor yang berbeza mungkin menawarkan harga dan penyelesaian yang berbeza bagi masalah yang sama. Malah, kontraktor yang tidak jujur mungkin membesar-besarkan masalah atau mencadangkan pembaikan yang tidak diperlukan semata-mata untuk meningkatkan keuntungan. Dengan mendapatkan sekurang-kurangnya dua atau tiga sebut harga, pengguna boleh membandingkan harga, bahan, kaedah pembaikan dan tempoh kerja. Hal ini membantu pengguna memahami masalah sebenar, membuat keputusan yang lebih bijak dan mengelakkan bayaran berlebihan bagi kerja yang tidak perlu.

Baca terma dan syarat dengan teliti
Banyak pertikaian berlaku kerana pengguna gagal membaca perjanjian, sebut harga atau invois dengan teliti sebelum menandatanganinya. Pengguna perlu memastikan perkara penting, seperti skop kerja, pecahan harga, bahan yang digunakan, tempoh siap kerja, tempoh jaminan dan jadual pembayaran dinyatakan dengan jelas secara bertulis. Pengguna juga perlu mengelakkan perjanjian yang kabur atau harga *"lump sum"* tanpa penjelasan yang jelas. Yang paling penting, pengguna tidak seharusnya bergantung sepenuhnya pada janji lisan. Jika sesuatu perkara itu penting, ia perlu dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian bagi mengelakkan salah faham atau pertikaian pada masa hadapan.

Semasa projek dijalankan

Pantau kerja yang dilakukan

Pengguna perlu terus terlibat sepanjang proses pembinaan atau pembaikan kerana ini tidak bermaksud mengganggu kerja kontraktor secara berterusan. Sebaliknya, pengguna perlu sentiasa memantau perkembangan kerja dan memastikan bahan serta tatacara yang dipersetujui dipatuhi. Pengguna juga digalakkan untuk mengambil gambar atau video sepanjang projek dijalankan kerana dokumentasi yang baik boleh menjadi bukti penting sekiranya timbul masalah pada kemudian hari. Selain itu, pengguna perlu menyimpan semua resit, invois, rekod pembayaran dan komunikasi bertulis kerana dokumen-dokumen ini boleh membantu membuktikan kecuaian, kecacatan atau kerja yang tidak siap sekiranya berlaku pertikaian.

Berkomunikasi dengan jelas

Komunikasi yang baik antara pengguna dan kontraktor sangat penting sepanjang proses pembinaan. Jika pengguna mendapati terdapat kesilapan, kelewatan atau perubahan yang tidak dijangka, mereka perlu menyuarakan kebimbangan tersebut dengan segera dan tidak menunggu sehingga projek selesai. Kadangkala kontraktor mungkin mencadangkan kerja tambahan atau penggunaan bahan yang lebih mahal semasa pembinaan dijalankan. Walaupun ada perubahan yang benar-benar diperlukan, pengguna tidak seharusnya berasa tertekan untuk terus bersetuju. Sebaliknya, pengguna perlu bertanya mengapa perubahan itu diperlukan, berapa kos tambahan yang terlibat dan sama ada terdapat alternatif yang lebih murah. Apa-apa perubahan kepada perjanjian asal juga perlu direkodkan secara bertulis bagi mengelakkan salah faham atau pertikaian pada masa hadapan.

Jangan abaikan kecacatan atau kesilapan

Kesilapan boleh berlaku semasa kerja pembinaan, namun pengguna perlu menangani masalah tersebut secara profesional dan teratur. Antara kesilapan biasa ialah mengupah kontraktor lain dengan serta-merta untuk membaiki kecacatan tanpa terlebih dahulu memaklumkan kepada kontraktor asal. Sebagai contoh, jika siling yang telah dibaiki masih bocor, pengguna perlu terlebih dahulu memaklumkan perkara tersebut kepada kontraktor asal dan memberikan peluang yang munasabah untuk mereka memeriksa atau membaiki masalah tersebut. Jika kontraktor lain terus mengubah kerja tersebut, ia mungkin menyukarkan untuk membuktikan siapa sebenarnya yang menyebabkan kerosakan atau sama ada kontraktor asal telah diberi peluang yang adil untuk membetulkan masalah tersebut. Oleh itu, pengguna perlu sentiasa membuat aduan secara bertulis dengan segera apabila kecacatan ditemui.

Selepas projek siap

Jangan anggap tanggungjawab kontraktor tamat serta-merta

Banyak pengguna menganggap bahawa tanggungjawab kontraktor tamat sebaik sahaja bayaran dibuat. Namun begitu, sesetengah kecacatan hanya muncul beberapa minggu atau bulan kemudian. Oleh sebab itu, banyak perjanjian menyediakan tempoh jaminan atau *Defects Liability Period* (DLP), iaitu kontraktor masih bertanggungjawab terhadap kecacatan tertentu walaupun kerja telah siap. Pengguna perlu terus memantau keadaan projek selepas siap dan memaklumkan kontraktor dengan segera secara bertulis jika terdapat kecacatan. Kelewatan untuk membuat aduan boleh menyebabkan pengguna kehilangan hak untuk menuntut pembaikan atau pampasan pada kemudian hari.

Ketahui hak anda

Akta Perlindungan Pengguna 1999 menyediakan perlindungan yang penting kepada pengguna yang menerima perkhidmatan yang cacat atau tidak memuaskan. Pengguna mungkin mempunyai hak untuk meminta pembaikan, menuntut pampasan, menamatkan kontrak dalam keadaan serius dan mencabar terma kontrak yang tidak adil. Namun begitu, pengguna juga perlu melindungi diri dengan menyimpan rekod yang lengkap, mematuhi tatacara yang betul dan bertindak segera apabila masalah timbul. Walaupun kontraktor melakukan kerja yang tidak memuaskan, kegagalan pengguna untuk mengikuti tatacara yang betul boleh melemahkan kes mereka pada kemudian hari.

Projek pembinaan dan pembaikan boleh menjadi sesuatu yang memenatkan dan mahal, terutamanya apabila pertikaian berlaku. Namun begitu, banyak masalah sebenarnya boleh dielakkan sekiranya pengguna mengambil langkah berjaga-jaga yang mudah sebelum, semasa dan selepas projek dijalankan. Pengguna tidak perlu menjadi pakar pembinaan untuk melindungi diri sendiri kerana tindakan mudah seperti membandingkan sebut harga, membaca perjanjian dengan teliti, mendokumentasikan kerja dan menyuarakan kebimbangan lebih awal boleh memberikan perbezaan yang besar. Walaupun undang-undang menyediakan perlindungan yang penting, pengguna juga perlu memainkan peranan aktif dalam melindungi hak mereka sendiri. Akhir sekali, perlindungan terbaik bukan sekadar mengetahui hak anda, tetapi juga mengetahui cara menggunakannya dengan bijak.

Sumber: Nuraiesya Khanoon binti Thariq Khan, Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (National Consumer Complaints Centre [NCCC])

AKPK

Siri BUDI

Naskhah yang menjadi panduan dalam membina ketahanan kewangan sepanjang kitaran kehidupan.

Tunas Padi
(Hijau Muda)

Pengajian Tinggi/Belia
(Membina asas kewangan)

Padi Subur
(Hijau Tua)

Kemuncak Kerjaya
(Memaksimumkan potensi pendapatan)

Padi Berisi
(Perang)

Membina Keluarga
(Pengurusan sumber dan dana)

Padi Masak
(Kuning Emas)

Persaraan
(Menikmati hasil usaha dan kebijaksanaan)

Imbas kod QR untuk pembelian dalam talian